



ISSN 0128-1422

PUSTAKA  
SUMBER  
ILMU

# BERITA PPM

## Persatuan Pustakawan Malaysia

### Librarians Association of Malaysia

*Untuk Ahli Sahaja*

Oktober/November 2004

## Kandungan

Perayaan Jubli Emas PPM	1
<b>Persidangan / Seminar</b>	
XIII CONSAL CONFERENCE, 2006 Manila Philippines	2
ATMA/IKON International Colloquium on Libraries	2
<b>Aktiviti PPM</b>	
Kuala Lumpur Tuan Rumah IFLA 2009? Rombongan MLG ke Bangkok	3
<b>Persidangan / Seminar</b>	
e-iseacol International Conference	4
Declaration of the International Conference	4
<b>Berita Semasa</b>	
PTSL, UKM dianugerahkan Anugerah Khas Kualiti Naib Cancellor	5
IFLA/OCLC Early Career Development Fellowship 2006	5
Call for papers: University and Research Libraries & Statistics and Evaluation	5
<b>Maklumat Penaja</b>	
BERNAMA	6
<b>Persidangan / Seminar</b>	
The 7th International Conference on Asian Digital Libraries (ICADL2004)	7
Call for Presentations WLIC/IFLA	7
Travel grant to the 96th SLA Annual Conference	7
Obituary	7
<b>Sekitar Perpustakaan</b>	
PPM Council Members 2003/2005	8

**Ketua Pengarang**

Maimunah Kadir

**Sidang Pengarang**

Azmah Ishak

Azlan Mohamad Hamzah

Hazmir Hj Zainal

Norbaizura Hj Malek

**Grafik/Layout**

Rusiah Husin

## Perayaan Jubli Emas PPM 2005

*Oleh : En. Hasbullah Atan*

Tidak ramai yang menyedari bahawa PPM kini berusia hampir 50 tahun. Ditubuhkan pada tahun 1955, semasa Malaysia dan Singapura masih lagi sebuah negara. Perubahan politik telah memaksa PPM berpecah kepada dua di mana akhirnya Singapura menubuhkan pula persatuan mereka sendiri yang dinamakan Library Association of Singapore (LAS).

Untuk memperingati penubuhan tersebut, PPM telah merancang untuk mengadakan beberapa aktiviti sebagai Perayaan Jubli Emas PPM sepanjang tahun 2005. Ada beberapa aktiviti tersebut akan dibuat bersama dengan pihak LAS. Difahamkan pihak LAS juga akan mengadakan beberapa aktiviti di Singapura untuk ahli-ahli mereka di sana. Di antara aktiviti tersebut adalah:

### Pertandingan Mencipta Logo PPM

Melalui maklumbalas yang diterima dari ahli-ahli, sebahagian dari mereka merasakan logo yang sedia ada ini agak 'outdated' dan perlu perubahan untuk mencerminkan peranan pustakawan dan kepustakawanan sekarang. Untuk itu satu pertandingan mencipta logo sedang diadakan. Pertandingan yang akan ditutup pada akhir Disember ini akan diketahui pemenangnya pada akhir bulan Januari 2005. Logo baru, jika terpilih, akan diperkenalkan semasa Gala Dinner PPM pada bulan April 2005 nanti.

### PPM/LAS Commemorative Conference 2005

Ini adalah satu persidangan yang akan dianjurkan bersama oleh PPM dan LAS. Persidangan yang akan diadakan pada 6-8 April 2005 di Hotel Istana Kuala Lumpur nanti antara lain akan mengemukakan beberapa kertaskerja yang akan dibentangkan oleh pembentang-pembentang terkemuka dari kedua-dua negara. Beberapa pembentang dari negara-negara Asean juga akan dijemput untuk turut sama. Persidangan yang bertemakan "The Visible Librarian in the

Virtual World" ini akan cuba untuk mengupas beberapa aspek bidang kepustakawan untuk melihat kerelevanan pustakawan pada era maya kini. Pihak penganjur sedang berusaha untuk mendapatkan YAB Timbalan Perdana Menteri untuk merasmikan persidangan ini.

### Gala Dinner PPM

Gala Dinner ini akan menjadi acara kemuncak Perayaan Jubli Emas PPM nanti. Gala Dinner ini akan diadakan semasa PPM/LAS Commemorative Conference itu sedang berlangsung. Ini bertujuan supaya lebih ramai ahli dan juga peserta-peserta persidangan dari Singapura dan negara-negara Asean yang lain akan dapat turut serta. Bertempat di Grand Ballroom Hotel Istana, Gala Dinner ini akan menjanjikan beberapa acara yang menarik. Selain, ia akan diserikan oleh kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri dan isteri, beberapa acara hiburan sedang rancang diatur. Ini termasuklah persembahan artis terkemuka tanah air dan pertunjukan fesyen dari pereka terkenal.

### Penerbitan 'feschrift'

Ini adalah satu usaha untuk menerbitkan satu penerbitan yang akan membicarakan bidang pustakawan dan kepustakawan di Malaysia dan Singapura sebagai

memperingati perayaan Jubli Emas PPM ini. Penerbitan ini dijangka akan dikeluarkan pada tiga-suku akhir tahun 2005 nanti.

### Hari Keluarga PPM

Sebagai penutup tirai perayaan Jubli Emas ini, Hari Keluarga untuk ahli-ahli PPM, para pustakawan dan rakan-niaga pustakawan akan diadakan pada akhir tahun 2005 kelak. Lokasi dan aktiviti yang akan diadakan masih dalam peringkat perancangan lagi dan akan diumumkan kelak. Apa yang pasti, ia akan diadakan di sebuah lokasi menarik di luar Lembah Kelang dan akan dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti menarik.

*lihat muka 8***Berita PPM keluaran Okt/Nov ini ditaja oleh BERNAMA**

**Sidang Pengarang Berita PPM Mengucapkan Selamat Menyambut Aidilfitri kepada ahli PPM yang beragama Islam.**

**XIII<sup>th</sup> CONSAL CONFERENCE, 2006  
Manila Philippines**



**Call for Papers**

The Organizing Committee of the CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS (CONSAL) XIII. In cooperation with the National Library of the Philippines and the Philippine Librarians Association, Inc., announces the holding of CONSAL XIII General Conference in Manila on March 25-30, 2006 on the theme:

**CONSAL At the Crossroads: Challenges for Greater Regional Cooperation.**

**Objectives**

- Assess the degree of CONSAL's achievements at this stage of its existence and set standards for measuring CONSAL's future successes
- Determine what measures CONSAL's can and must undertake to surmount the threat of destruction of cultural heritage in the Southeast Asian countries
- Formulate a doable plan for regional cooperation for genuine information literacy and preservation programs

**Proposals**

Session proposals are invited for CONSAL XII General Conference to be held on March **25-30 2006** and shall revolve around the theme or relate to the Congress objectives. The Program Committee encourages proposals of the following:

- Plenary papers on the following topics:  
Resource-sharing Initiatives  
Preservation and Conservation Programs  
Copyright Projects  
Legal Depository Collaboration Programs  
Translating/Publication/Microfilming Project  
Training and Development Program  
Funding Initiatives
- Routable discussions (on concepts, plans, and doable program of action to meet the Congress objectives)
- Avant Garde Sessions (sessions designed to highlight innovative library programs, new techniques, or latest research projects considered to be trailblazers)

**Conditions**

- Paper presenters/speakers shall submit an abstract of their paper /report/presentation of a maximum of 500 words on or before 31 March 2005, together with a copy of their biodata and a recent 2 x 2 color photo.
- Presentation shall be limited to 20 minutes.
- Presenters/speakers are expected to come to Manila at no cost to CONSAL XIII. However, registration fees shall be waived, and hotel accommodations shall be provided
- Notice of acceptance shall be sent within 60 days from receipt of the abstract
- Submission of papers should be submitted on or before **November 30, 2005** to give the committee adequate time to prepare the conference materials and proceedings in print/electronic format

Any Submission on inquires in connection with this Call of Papers shall be addressed to the following:

**Fe Angela M. Verzosa**

Chairperson, Program Committee  
University Library, De La Salle University  
2401 Taft Avenue  
Manila 1004, Philippines  
e-mail: [Verzosaf@dlsu.edu.ph](mailto:Verzosaf@dlsu.edu.ph)  
telefax no. (632) 524-8835

or to

CONSAL XIII Secretariat Office

**Rosemarie G. Rosali**

Secretary, CONSAL XIII organizing Committee  
U.P. School of Economic  
Diliman, Quezon City, Philippines 1101  
Tel/Fax. No (632) 9272044

e-mail: [rosemarie.rosali@up.edu.ph](mailto:rosemarie.rosali@up.edu.ph)

or to

Lilia F. Echiverri (e-mail: [lilia.echiverri@up.edu.ph](mailto:lilia.echiverri@up.edu.ph) or [fonbuena@rocketmail.com](mailto:fonbuena@rocketmail.com) )

**ATMA/IKON International Colloquium on Libraries and the Construction of Knowledge about the Malay World, Ogos 2004, UKM. Oleh : Sakinah Mohammed**

Kolokium ini merupakan yang keenam dalam siri ATMA/IKON International Colloquium on the Construction of Knowledge about the Malay World by Others. Anjuran bersama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Institut Kajian Oksidental (IKON) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), UKM, kolokium ini telah dijalankan dengan jayanya dari 2 hingga 3 Ogos 2004 bertempat di Dewan Pusat Kembangan Pendidikan UKM. Acara perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah ATMA/IKON yang mewakili Naib Canselor UKM.

Dalam pertemuan dua hari tersebut sebanyak dua belas kertas kerja telah dibentangkan oleh pustakawan-pustakawan dan sarjana dari luar dan dalam negara, termasuk kertas Ucaptama yang disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Zawiyah Binti Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Pada hari kedua diadakan forum diskusi yang bertajuk "The Future of Libraries and Malay Studies" dengan wakil-wakil dari Eropah, Amerika,

Australia dan Pengarah ATMA/IKON sebagai ahli panel.

Fokus diskusi dalam sebahagian besar kertas kerja ialah perkembangan perpustakaan dalam ilmu Alam Melayu di negara masing-masing. Namun masa depan pembinaan ilmu Alam Melayu juga dibicarakan, terutamanya dari segi kerjasama antarabangsa dan program digitalisasi data yang terdapat di semua perpustakaan.

Kolokium ini telah dihadiri oleh lebih lima puluh orang peserta termasuk Pengarah Library of Congress Cawangan Asia Tenggara.

Pada akhir kolokium Ketua Pustakawan UKM telah mengundang para pembentang untuk berkunjung ke Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan ATMA. Sebahagian pembentang juga telah berpeluang melawat Perpustakaan Negara Malaysia pada 4 Ogos 2004.

## Kuala Lumpur Tuan Rumah IFLA 2009?

.....*Sambungan dari keluaran Julai/Ogos*

Rundingan sedang dijalankan dengan pihak Kuala Lumpur Convention Centre (bersebelahan KLCC) untuk menjadikannya “host venue” sekiranya PPM berjaya dalam bida tersebut. Kuala Lumpur Convention Centre merupakan tarikan terkini yang begitu canggih dalam soal pengendalian persidangan di rantau ini. Akan dibuka pada Jun 2005, ia merupakan satu pusat persidangan yang boleh mengatasi pusat-pusat persidangan terkemuka dunia yang pernah kita dengar dan lihat sebelum ini. Yang pastinya pusat ini adalah lebih baik dan sempurna dari “host venue” IFLA yang pernah penulis hadiri setakat ini.

### Dilema yang dihadapi oleh PPM

Hanya satu yang perlu diberi perhatian sekiranya kita serius untuk memenangi bida ini. Keahlian PPM tidak begitu menggalakkan. Bilangan keahlian yang mantap adalah merupakan faktor penting dalam pemilihan. Yang pastinya keahlian melambangkan tahap sokongan yang bakal diterima.

### Apa yang perlu anda lakukan?

Kita perlu untuk menambahkan keahlian PPM seramai mungkin. Setakat ini PPM mempunyai kira-kira 1,500 ahli tetapi dari jumlah tersebut hanya 350 orang sahaja ahli

berbayar. 350 bukanlah jumlah yang mantap untuk memenangi bida tersebut. Kami berharap semua pustakawan di negara ini dapat menyertai PPM dengan kadar segera.

Jika anda pernah menjadi ahli tetapi tidak memperbaharui keahlian anda, pastikan anda melakukannya dengan segera.

Ini hendaklah dilakukan sebelum akhir Oktober 2004 kerana dokumen bida tersebut akan dihantar kepada IFLA pada akhir bulan November.

Ketua-ketua jabatan boleh memainkan peranan dalam soal ini. Galakkan kakitangan anda untuk menyertai PPM.

Dekan-Dekan Fakulti boleh juga menggalakkan pelajar-pelajar mereka menyertai PPM sebagai ahli-ahli bersekutu. Itu saja yang perlu anda lakukan setakat ini:

- Perbaharui keahlian anda
  - Minta kakitangan anda menyertai PPM atau memperbaharui keahlian mereka
  - Sebagai Dekan, galakkan pelajar anda menyertai PPM
- Yang lain serahkan kepada kami, kami akan lakukan yang terbaik untuk memastikan yang IFLA 2009 itu kelak akan diadakan di Kuala Lumpur.



## Laporan Rombongan Kumpulan Pustakawan Perubatan ke Online Information and Education Conference, Bangkok.

*Oleh : Azlan Mohamad Hamzah*

Seramai 25 orang peserta telah mengikuti rombongan Kumpulan Pustakawan Perubatan (MLG) ke Online Information and Education Conference, Bangkok dari 14 hingga 19 September 2004. Mereka terdiri daripada Pustakawan perpustakaan perubatan dari pelbagai institusi.

Selain daripada menghadiri Persidangan yang diadakan, mereka juga mengikuti program lawatan ke beberapa perpustakaan di sekitar Bangkok. Program lawatan adalah seperti berikut :

- i. Lawatan ke Perpustakaan Perubatan Thammasart University.
- ii. Perpustakaan Perubatan Chulalongkorn University.
- iii. Perpustakaan Hospital Siriraj .
- iv. Pusat Sumber Akademik Suan Dusit Rajabhat University.

Pada lawatan berkenaan, peserta diberikan penerangan/taklimat mengenai aspek-aspek yang berkaitan perkhidmatan, koleksi, kemudahan, sistem pengurusan dan teknologi maklumat yang disediakan di perpustakaan-perpustakaan berkenaan.

Rata-rata di kalangan peserta merasakan rombongan ini memberi pelbagai manfaat kepada mereka kerana di samping menimba pengetahuan terkini dalam dunia perpustakaan di persidangan tersebut, mereka juga dapat berkenalan dengan pustakawan dan peserta dari Thailand, dan negara lain seperti Taiwan dan Singapura.

Di samping itu, lawatan sambil belajar di perpustakaan sekitar Bangkok memberi pendedahan kepada peserta dengan sistem perpustakaan di negara lain.

Beberapa lawatan sosial juga diadakan dengan melawat tempat-tempat menarik sekitar Bangkok seperti Royal Grand Palace, Bangkok World Trade Center dan Chatuchak Market yang memberi seribu erti kepada para peserta yang mengikuti rombongan ini. .



*Sekitar Lawatan di Perpustakaan Perubatan Thammasart University.*



**e-iseacol**  
**Enriching the Indigenous Southeast Asian Collections in Libraries**  
**An International Conference**

*April 20-21, 2005*

*Dusit Hotel Nikko, Makati City, Philippines*

**Rationale:**

Southeast Asian countries are the heirs to an extraordinarily rich cultural heritage. This heritage, revealed in linguistic, historical, economic, social, political and racial diversity finds expression in the written and oral material scattered throughout the Southeast Asian region and beyond. Some of this indigenous data is not readily accessible because of shortages of trained library personnel to decipher and comprehend material in different languages. Another factor limiting access is that most publishers do not produce titles on local or provincial history, folk stories, legends, local lore, myths, trade and commerce. In a rapidly changing world there is a risk that material reflecting the roots and heritage of Southeast Asian countries will be lost if they are not made available in libraries.

**Objectives:**

1. To serve as a forum for the exchange of views and ideas on effective ways of facilitating access to indigenous Southeast Asian collections in libraries and information centers.
2. To bring the indigenous materials of Southeast Asian countries within the purview of the Internet to facilitate global utilization.
3. To discuss how to eliminate regional obstacles that restrict access to the cultural heritage of Southeast Asian countries.
4. To tap indigenous Southeast Asian materials that are still unavailable in library collections.

**Who should attend?**

Librarians, documentalists, archivists, academicians, curators, records officers, publishers, booksellers, anthropologists, and graduate students of library and

information science from the Southeast Asian region, Asia, Australasia, Europe, Canada and the USA.

**The Venue:**

The conference will be held at the prestigious Dusit Hotel Nikko conveniently and safely located inside the Makati Business District in very close proximity to department stores, shopping malls, theaters and fine hotels. The Dusit Hotel Nikko is very accessible from the EDSA Highway and is within easy walking distance from a MRT Station. It is located approximately 30 minutes by taxi from the Ninoy Aquino International Airport and the Domestic Airports.

**Conference Fees:**

Local Participants: PHP 3,500.00  
 Overseas Participants: US\$180.00

The conference fee includes lunches and snacks for two days plus handouts and seminar kit.



**To confirm participation please contact to us:**

CHRDF Secretariat:  
 C/O Miss Jessica Villa  
 27 Masikap Street, Brgy Pinyahan  
 Sikatuna Village, Quezon City 1100  
 Philippines  
 Tels. 00 63 2 927-9858/(63 2) 926-4708  
 Fax: 00 63 2 435 5727  
 Mobiles: (0916) 957 9049/(0916) 503 1299

**Declaration of the International Conference "Information as Public Domain: Access through Libraries"**

On 27-29 October 2004 St. Petersburg hosted the International Conference "Information as Public Domain: Access through Libraries", which was attended by over 120 representatives of public authorities, academic research organizations, libraries and other institutions from Azerbaijan, Armenia, Belarus, Great Britain, Georgia, Kazakhstan, Kyrgyzia, Moldova, Russia, USA, Tajikistan and the Ukraine. Having examined an extensive range of agenda items, the participants of the Conference hereby confirm their view that enabling access to public domain information produced by public authorities should become fundamental to the national information policies of all nations striving for democracy and freedom of human development. Public authorities, as well as libraries, archives and various information services providers should assume a primary responsibility for the expansion of openness and management of information as public domain. The mainstream principle of information management should

be as follows: information produced by public authorities should be deemed publicly available, and any exceptions to this rule officially banning the said access should be justified, minimized and supported by the power of law. The national information policy and its legislative and regulatory support should be based on the presumption of openness of government information.

The participants of the Conference take note that any national information policy should reside on the determination to develop a knowledge society and a civil society. Libraries of today constitute an indispensable institution of civil society and an effective tool for building it. Support of the development of library services should be elaborated in national information policies.

lihat muka 8

## Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dianugerahkan Anugerah Khas Kualiti Naib Canselor.

Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM telah dianugerahkan Anugerah Khas Kualiti Naib Canselor sempena Majlis Anugerah Kualiti ke-12 Universiti Kebangsaan Malaysia pada 24 September 2004. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pro-Canselor UKM, YAM Tunku Laxamana Tunku Naquiyuddin Ibn Tuanku Ja'afar. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada perkhidmatan perpustakaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kecemerlangan Universiti.

PTSL yang mempunyai 1.5 juta bahan bercetak dan 13,000 judul jurnal bahan elektronik telah berjaya menarik lebih daripada 1 juta kunjungan, 50,000 pinjaman dan 600,000 akses bahan elektronik bagi tahun 2003. Perpustakaan juga telah berjaya membangunkan Perpustakaan Digital UKM, Portal Maklumat Perubatan HUKM yang pertama di Malaysia dan melancarkan Dana Endowmen Perpustakaan dalam usaha memastikan sumber kewangan yang stabil dan berterusan dalam jangka masa panjang. Perpustakaan juga telah dianugerahkan MS ISO 9001 : 2000 oleh SIRIM pada tahun 2003.

Pada majlis tersebut, pelbagai anugerah juga telah diterima oleh perpustakaan antaranya Anugerah Khas Kualiti Pengurusan Maklumat untuk perkhidmatan Portal Perpustakaan Hospital UKM. Portal perpustakaan HUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) yang telah dilancarkan pada 11 Mac 2004 telah dapat mengintegrasikan 4 komponen utama dalam Pustaka Maya Perubatan HUKM iaitu pangkalan data teks penuh, Multimedia, rangkaian CD dan pangkalan data dalaman/Ebuku. Selain itu, Portal ini juga dapat membolehkan



Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

pencarian semua pangkalan data dengan menggunakan satu 'common search tool', pendaftaran secara 'single sign on'.

Beberapa kakitangan Perpustakaan juga telah dianugerahkan dengan Anugerah Budaya Kualiti (Kategori Khas Kualiti) – Kategori Pengurusan iaitu Puan Thuraiyen Nadzrah Mohd Ghazali dan Anugerah Budaya Kualiti (Kategori Anugerah Khas Kualiti)-Kategori Sokongan iaitu Puan Nor Sahabinar Atan. Perpustakaan juga telah menjadi Johan (Perpustakaan Undang-undang), Naib Johan (Perpustakaan ATMA) dan Ketiga (Perpustakaan HUKM) untuk Anugerah Perkhidmatan Kaunter (Kategori Anugerah Khas Kualiti) yang mengiktiraf kecemerlangan dalam perkhidmatan kaunter perpustakaan.

Perpustakaan juga telah menjadi Naib Johan Anugerah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) (Kategori Anugerah Khas Kualiti) bagi kumpulan KMK Siber Perpustakaan HUKM. Kumpulan ini telah mewakili UKM dalam Konvensyen KMK IPTA Malaysia pertama pada 14 dan 15 september 2004.

### IFLA/OCLC Early Career Development Fellowship 2006

The IFLA/OCLC Early Career Development Fellowship programme provides early career development and continuing education for library and information science professionals from countries with developing economies.

For information on the Application Procedures visit the OCLC Web site.

The Program Guidelines and Application for the IFLA/OCLC Fellowship 2006 are now posted on the OCLC web site. The links to the files, available in pdf and Word formats, are accessible under the 2006 Application details at the following location:  
<http://www.oclc.org/institute/resources/fellowships/ifla/default.htm>



### Call for papers: University and Research Libraries & Statistics and Evaluation

*Library quality in the institutional environment*, Open Program ; sponsored jointly by the IFLA sections for University and Research Libraries and for Statistics and Evaluation at the World Library and Information Congress / 71st IFLA Conference, Oslo, 14-18 August 2005.

#### What is quality for a university library - for a public library - for a national library?

This is the first call for papers on the pursuit, identification and measurement of quality in all types of libraries. Papers may be in English, French, German, Russian or Spanish. Papers should be no more than 30 minutes in duration.

Proposals for papers (giving title and abstract) should be submitted to Sue McKnight (IFLA University and Research Libraries Section), [sue.mcknight@ntu.ac.uk](mailto:sue.mcknight@ntu.ac.uk) or Michael Heaney (IFLA Statistics and Evaluation Section), [michael.heaney@ouls.ox.ac.uk](mailto:michael.heaney@ouls.ox.ac.uk) by 15 January 2005. Successful proposers will be notified by 31 January 2005 and must supply the full text of papers by 1 April.

See the congress website at <http://www.ifla.org/IV/ifla71/index.htm> for further details of the congress, including conference fees, accommodation and travel.



# BLIS

FOR YOUR  
RESEARCH NEEDS  
ON MALAYSIA

**BLIS is an online source of current and archived news and information on Malaysia's Economy, Industries, Companies and Personalities.**

*Vital for libraries, universities, colleges and schools.*

Researchers, librarians, historians and analysts can use **BLIS** to conduct in-depth research on industries and forecast trends.

Students can access **BLIS** for ideas, facts and arguments for debates, theme papers, speeches and research projects.

Teachers can rely on it for discussions on Malaysian issues, and use it to motivate students to become more informed.

Subscribe at : <http://blis.bernama.com>

### Databases on BLIS

- Malaysian News Reports from Bernama
- Who's Who
- Malaysian Fact Files on hundreds of topics
- Background Reports on Malaysian sectors
- Malaysian Facts & Figures
- Newspaper Archives
- Calendar of Events
- Statistics and data from authoritative sources
- Speeches
- Complete Industry Listings



Suite 42CD, 42nd Floor, Empire Tower, 182, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2164 3287/3502/3628 Fax: 03-2164 5090 E-mail: [blis@bernama.com](mailto:blis@bernama.com)

## Call for Poster Presentations WLIC/IFLA Oslo August 2005

**World Library and Information Congress:  
71st IFLA General Conference and Council  
August 14th - 18th 2005, Oslo, Norway**

An alternative approach for the presentation of projects/new work will be available for conference participants. An area on the conference premises has been designated for the presentation of information regarding projects or activities of interest to librarians. Presentations may include posters, leaflets (etc.) in several of the IFLA working languages (English, French, Spanish, German and Russian), if possible. Further advice on poster sessions may be obtained from IFLA Headquarters. The Professional Committee of IFLA will review all submissions.

Colleagues interested in presenting a poster session are invited to complete the form below and to send it with a brief description of not more than 200 words of the session (in English, French, Spanish, German or Russian).

### Time Schedule

16 February 2005 Deadline for receipt at IFLA Headquarters of the application form and a detailed description of the poster session. Early April 2004 IFLA Headquarters will inform applicants of the final decision of the Professional Committee.

### The 7th International Conference on Asian Digital Libraries (ICADL2004)

The 7th International Conference on Asian Digital Libraries (ICADL2004) is going to be held on December 13-17 in Shanghai, China by the Shanghai Jiao Tong University and the Shanghai Library. It is one of the most important annual events for the library and IT communities in Asia-Pacific region. Building on the success of the first six ICADL conferences, the 7th

ICADL conference, aims to further strengthen the academic collaboration and strategic alliance in the Asia-Pacific Region in the development of digital libraries.

The theme of the ICADL2004 is:



Digital Library:  
International Collaboration and Cross-Fertilization, with its focus on technology, service, management and localization.

For more information please refer to the conference's website at: <http://icadl2004.sjtu.edu.cn/>.

### Obituary

Radha Rasmussen, formerly Head of the Library School at Mara, passed away on Friday, 26 Nov, after a long illness caused by a neurological condition. Her funeral service will be held on Wednesday, 31 Nov, at 3.00pm at the Monash University Religious Centre.

Radha had a law degree from the University of Malaya in Singapore (now NUS), a Masters from the College of Librarianship Wales, and a PhD from Monash University.

She was appointed to the staff of the Graduate School of Librarianship at Monash in 1976, and was a senior lecturer when she retired in 1996.

Radha was an expert in multicultural librarianship, and was much loved by her students, many of whom were from overseas.

She was a caring teacher, and won many plaudits for her teaching and research. She will be sadly missed by her friends and colleagues.

### Intent to Submit a Poster Session Proposal

World Library and Information Congress:  
71st IFLA General Conference and Council  
August 14th - 18th 2005, Oslo, Norway



### Please print or type the following information:

Name: M/F  
Address:  
Tel. (Home): Tel. (Work):  
Fax: E-mail:  
Title of Poster  
Session:  
Language:

This form with a 200 word description of the poster session should be sent to:

Mr. Sjoerd Koopman, Secretary of the Professional Committee  
IFLA Headquarters  
P.O. Box 95312  
2509 CH The Hague, Netherlands  
Fax No. +31-70-3834827  
E-mail: [ifla@ifla.org](mailto:ifla@ifla.org)

Deadline for receipt of Description at IFLA HQ:  
16 February 2005

### Travel grant to the 96th SLA Annual conference

*Toronto, Ontario Canada June 5-9 2005*



#### IFLA Colleagues:

The Museums, Arts and Humanities Division of the Special Libraries Association is offering a travel grant to attend the SLA annual conference in Toronto, Canada, June 5-9, 2005. The grant is specifically for arts or humanities librarians from developing countries. Past awardees have come from Nicaragua, the Philippines, and Trinidad and Tobago.

Application information and criteria are available on the SLA website:

<http://www.sla.org/division/dmah/Travel%20Grant.htm>

#### Application Address:

Before January 31, 2005 by email attachment, FAX, or mail to either:

#### Martha McPhail

Past-chair, Museums, Arts and Humanities Division, 2004/2005  
Special Libraries Association  
[mmcphail@mail.sdsu.edu](mailto:mmcphail@mail.sdsu.edu)  
San Diego State University  
619-594-6736

Dari muka 1

### Cenderahati bersempena Perayaan Jubli Emas PPM

PPM sedang berusaha untuk menyediakan beberapa cenderahati untuk disimpan sebagai kenangan bersempena perayaan bersejarah ini. Diantaranya ialah beberapa bentuk cenderahati yang telah dikenalpasti adalah seperti pen, jam meja, jam tangan, paying, key-chain, mug dan kristal yang diukir khas.

Walaupun aktiviti-aktiviti di atas telah dikenalpasti dan sedang dalam perancangan tetapi ahli-ahli PPM boleh memberi cadangan lain yang dirasakan sesuai. Pihak PPM akan cuba untuk mempertimbangkan cadangan tersebut sewajarnya. Sila kirimkan cadangan anda itu kepada [hasbullah@imu.edu.my](mailto:hasbullah@imu.edu.my) untuk dibincangkan di peringkat Mesyuarat Majlis PPM sebelum 31 Januari 2005.

### Pertandingan Mencipta Logo PPM

Bersempena dengan perayaan Jubli Emas Persatuan Pustakawan Malaysia pada tahun 2005, pihak PPM dengan ini menjemput semua warganegara Malaysia untuk menyertai Pertandingan Mencipta Logo PPM yang akan digunapakai oleh Persatuan Pustakawan Malaysia.

Tujuan pertandingan ini adalah untuk mencari satu logo baru yang boleh mencerminkan peranan, aktiviti dan objektif PPM yang dinamik.

#### Syarat-syarat Pertandingan :

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli-ahli PPM dan warganegara Malaysia.
2. Semua ciptaan hendaklah asli.
3. Penyertaan yang terpilih mestilah mencerminkan objektif dan aktiviti PPM secara keseluruhannya. Maklumat-maklumat ini boleh didapati dari halaman web PPM seperti berikut: <http://www.pnm.my/ppm>
4. Peserta bebas untuk menentukan bentuk logo PPM, samada bulat, segitiga empat, segitiga dan sebagainya mengikut kreativiti masing-masing.
5. Moto PPM 'Pustaka Sumber Ilmu' hendaklah dikekalkan di dalam logo.
6. Setiap penyertaan mesti disertakan penerangan mengenai logo tersebut.
7. Semua ciptaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak milik penggunaan warna adalah tidak melebihi 3 warna sahaja.
8. Penyertaan adalah percuma. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.

Walaubagaimanapun, pemenang hanya layak untuk menerima satu hadiah sahaja.

9. Panel Pemilihan terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis PPM dan segala keputusan adalah muktamad

#### Cara Penyertaan

Ada dua format yang dibenarkan iaitu:

1. Dalam bentuk fail format jpeg/jpg, hantar kepada [ppm\\_55@lycos.com](mailto:ppm_55@lycos.com) atau [ppm55@jaring.po.my](mailto:ppm55@jaring.po.my)

2. Lukisan di kertas A4, hantar kepada: **Persatuan Pustakawan**

**Malaysia , Peti Surat 12545, 50782 Kuala Lumpur.**

#### Hadiah

Tiga hadiah akan disediakan:

##### **Pertama:**

Wang tunai RM800.00 serta sijil.

##### **Kedua:**

Wang tunai RM600.00 serta sijil.

##### **Ketiga:**

Wang Tunai RM400.00 serta sijil.

#### Tarikh Tutup

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 31 Disember 2004

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada En. Hasbullah Atan, nombor telefon 03-86568817 atau e-mail kepada: [hasbullah@imu.edu.my](mailto:hasbullah@imu.edu.my)

..Dari muka 4

The participants of the Conference take note of the need for meaningful efforts to implement the key documents passed at the World Summit on Information Society, i.e. the Declaration of Principles and Plan of Action (2003), ! as well as the Policy guidelines for the development and promotion of government public domain information (UNESCO, 2004).

28 October, 2004

Tavrishesky Palace, Saint Petersburg

Adopted by Plenary Session

Forwarded by: JK Vijayakumar, IFLIBNET

### Sumbangan Berita

*Berita PPM akan sentiasa mempertingkatkan kualiti kandungannya. Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan bolehlah di hantar ke alamat:*

*Puan Maimunah Kadir  
d/a Perpustakaan Hospital Universiti  
Kebangsaan Malaysia  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak  
56000 Cheras  
Tel: 03-91702288  
E-mail: [mai@mail.hukm.ukm.my](mailto:mai@mail.hukm.ukm.my)*

#### President

Dato' Zawiyah Baba

#### Vice President 1

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

#### Vice President II

Siti Zakiah Aman

#### Immediate Past President

Rashidah Begum Fazal Mohamed

#### Honorary Secretary

Nafisah Ahmad

#### Honorary Assistant Secretary

AAzli Abd Rahim

#### Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

#### Honorary Assistant Treasurer

Rajeswary K. Ramalingam

#### Council Members

Mohd Sharif Mohd Saad

Maimunah Kadir

Hasbullah Atan

Norma Mohd Darus

Shaifol Yazam Mat